



PEMIKIRAN TASAWUF BADIUZZAMAN SAID NURSI: SATU TINJAUAN AWAL

*Mohd Nasir Ayub¹, Surita Hartini Mat Hassan² & Ramlan Mustapha³

^{1,2,3}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang, Kampus Raub, Malaysia

Article Info		ABSTRAK
Article history: Received: 22 Dec 2023 Revised: 5 Jan 2024 Accepted: 18 Jan 2024 Published: 1 Feb 2024	Hakikat kejadian manusia untuk beribadat kepada Allah SWT. Manakala Nabi Muhammad SAW diutuskan untuk memperbaiki akhlak manusia. Sifat-sifat tasawuf adalah manifestasi akhlak yang diamalkan oleh Nabi SAW, para Sahabat r.a. dan Salafussoleh terdahulu. Dengan tasawuf, umat Islam berjaya membina generasi cemerlang dunia dan juga akhirat. Setelah daulah Uthmaniyah mengalami zaman kejatuhannya, fahaman Materialisme dan Sekularisme Barat meresap masuk ke dalam pemikiran umat Islam. Hasilnya, umat Islam semakin hanyut dengan arus modenisasi Barat dan tidak lagi mengutamakan nilai kerohanian. Justeru, gerakan Said Nursi berusaha mengembalikan kerohanian umat Islam serta membina kembali sahsiah dan jati diri umat Islam itu sendiri. Kajian ini cuba memberikan gambaran awal fahaman tasawuf menurut pemikiran Said Nursi dalam kitab utama beliau iaitu Risalah al-Nur. Kajian ini berbentuk kepustakaan dan akan dianalisis menggunakan kerangka analisis konseptual. Hasil kajian mendapati, konsep tasawuf yang dibawa oleh Said Nursi berbentuk tasawuf yang memenuhi keperluan zaman. Keperluan zaman pada masa itu ialah menjaga iman umat Islam agar iman yang kukuh yang akan menempis serangan pemikiran Barat yang bercanggah dengan syarak. Oleh itu, Said Nursi kekal dengan mengamalkan disiplin tasawuf sama ada latihan rohani dan jasmaninya, namun aspek keimanan mesti diutamakan.	
Keywords: Pemikiran Tasawuf Said Nursi Risalah Nur 		
Keywords: Thinking Tasawwuf Said Nursi Risalah al-Nur		ABSTRACT Badiuzzaman Said Nursi's Tasawwuf Thinking: An Early Survey Humans are created to worship Allah SWT. The Prophet, Muhammad SAW is His messenger, carrying the task of improving human morality. Tasawwuf traits are the manifestation of morality practised by Muhammad SAW, his fellow companions, and the previous Salafussoleh. With tasawwuf, Muslims have successfully risen excellently both in this world and the Hereafter.

	After the Ottoman suffered a blow from its historic collapse, the schools of thought, Materialism and Western Secularism seeped into the thinking of Muslims. In effect, the Muslims were disoriented by the Western surge of modernisation, and spiritual values had become dematerialised. Thus, the Said Nursi movement strived to reignite Muslim spirituality and rebuild their personality and integrity. This study attempts to give an early picture of tasawwuf thinking according to Said Nursi's perspective in his main Scripture, Risalah al-Nur. This study is a library study and it will be analysed using the conceptual analysis framework. The study outcome finds that the tasawwuf concept introduced by Said Nursi is the form of tasawwuf that fulfils the needs of the era. The need is to uphold the faith of Muslims so that it will be able to repel Western thoughts that have very much contradicted the shara'. Thus, Said Nursi remains practising tasawwuf discipline in both spiritual and physical aspects, with the aspect of faith being of greater importance.
--	--

Corresponding Author:

*Mohd Nasir Ayub,
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Raub, Malaysia.
Email: mnasir251@uitm.edu.my



DOI 10.5281/zenodo.10660425

PENDAHULUAN

Penekanan terhadap persoalan kerohanian menjadi agenda utama umat Islam. Perbincangan mengenai pembangunan umat Islam perlu mengaitkan dua aspek penting kehidupan manusia iaitu pembangunan kerohanian atau spiritual dan juga pembangunan material. Dalam hal ini, Islam menyarankan agar umatnya membangunkan dua aspek ini secara bersepadu, tanpa meminggirkan satu sama lain. Manakala disiplin ilmu tasawuf adalah sebahagian daripada aspek kerohanian umat Islam yang terus dijunjung oleh seluruh umat Islam sehingga kini.

Tasawuf adalah salah satu disiplin ilmu yang berkembang dalam tradisi keilmuan umat Islam. Ia juga berperanan mengembangkan lagi aliran pemikiran Islam. Sejarah membuktikan bahawa sejak berzaman, tasawuf telah menyumbang suatu yang amat bernilai kepada umat Islam khususnya di alam nusantara ini. Oleh sebab itu, perkembangan Islam di nusantara banyak berkait dengan ilmu tasawuf dan juga ahli-ahli sufi yang bergerak menyebarkan ilmu tersebut serta memasyarakatkan tasawuf itu sendiri supaya menjadi teladan dan ikutan dalam masyarakat (Che Zarina, 2004).

Kemunculan Badiuzzaman Said Nursi di akhir zaman khilafah Uthmaniyah menjadi tunggak utama dalam usaha menaikkan kembali semangat kesatuan Islam dan kehormatan umat Islam yang telah diperkotak katikkan oleh penjajah Barat. Antara agenda yang diperjuangkan oleh Said Nursi ialah dalam disiplin ilmu tasawuf.

SOROTAN KARYA

Tasawuf menjadi sebahagian daripada perbincangan utama ilmuwan Islam. Islam difahami dan berkembang melalui beberapa teras utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Teras akhlak adalah mata rantai kepada pembinaan kerohanian umat Islam. Menurut Ayub (2023) keruntuhan akhlak ada kaitan dengan kelemahan jiwa insan itu sendiri. Kelemahan mengawal nafsu akan menjerumus manusia kepada perlakuan yang menyalahi syarak. Menurut Said Nursi (2011c) dalam kitab al-Lumu'at:

“apabila tipu daya (*ghurur*) dan keegoan (*ananiyyah*) mendiami dalam diri, maka akan berlakulah perbalahan dan perselisihan menggantikan permuafakatan dan kasih sayang serta tiada keikhlasan”.

Manakala disiplin tasawuf adalah rentetan dalam usaha memperkasakan teras akhlak yang telah wujud sekian lama dalam tradisi keilmuan Islam. Tasawuf telah menjadi bidang ilmu yang mesti dikuasai oleh setiap ilmuwan Islam. Tasawuf telah mewarnai zaman keemasan kerajaan Umayyah, Abbasiyah, Andalusia sehinggalah zaman Uthmaniyah. Selain itu, tasawuf juga turut dibincangkan oleh ilmuwan moden antaranya Prof. Hamka (Salihin, 2016; Rouf, 2013), al-Nadwi (Ghazali, 2016), Sa'id Hawwa (Ghazali, 2014), Seyyed Hussin Nasr (Irawan, 2019) dan ramai lagi.

Manakala aspek kajian tasawuf dan kerohanian menurut sudut pandang Said Nursi telah dikupas oleh beberapa pengkaji antaranya Efendi (2023), Hadi Ihsan (2021), Faiz (2020 & 2015), Bidin (2020), alroisi (2022), dan lain-lain lagi. Manakala kajian ini akan lebih memfokuskan kepada sejarah hidup Said Nursi, beberapa praktik tasawuf serta pembawaan tasawuf Said Nursi.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kepustakaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mengkaji pemikiran Said Nursi khususnya dalam menemukan idea-idea tasawuf dalam menangani kecelaruan jiwa dan kerosakan akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Sumber utama kajian ini berdasarkan idea asal Said Nursi dalam tafsir Risalah al-Nur. Manakala sumber kedua diperolehi melalui penelitian terhadap kajian-kajian lepas seperti tesis, buku, jurnal, artikel serta bahan-bahan yang berkaitan. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kerangka analisis kandungan. Dapatan dan analisa yang terkandung dalam penulisan ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumbangan akademik dan rujukan masyarakat awam dalam mengembalikan kekuatan umat Islam masa kini. Diharapkan pemikiran tasawuf yang dibawa oleh Said Nursi ini menjadi panduan dalam menyelesaikan kerosakan akhlak dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kehidupan Said Nursi Semasa Kecil

Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877M di perkampungan Nurs yang terletak di daerah Khizan. Khizan pula berada di wilayah Bitlis, yang merupakan satu wilayah di timur Turki (McCarthy, 1997). Nursi adalah gelaran kepada Sa'id Nursi yang mengambil nama sempena nama kampungnya Nurs. Manakala nama sebenarnya ialah “Sa'id”.

Said Nursi dibesarkan dalam sebuah keluarga berbangsa Kurdis yang hidup dengan penuh kesederhanaan dan kasih sayang. Ayahnya bernama Mirza bin 'Ali bin Khidir bin Mirza Khalid bin Mirza Rasyad, berkerja sebagai petani dan kuat berpegang dengan amalan sufi manakala ibunya bernama Nuriyyah binti Mulla Tahir merupakan wanita yang taat kepada perintah Allah. Dikatakan bahawa Mirza dan Nuriyyah mempunyai silsilah *Ahli Bayt*.(Vahide,1992).

Menurut sejarah, gerakan sufi amat tersohor di timur Turki sehinga melahirkan ramai tokoh-tokoh sufi di wilayah tersebut. Pada asalnya, gerakan sufi di timur Turki disebar oleh dua kelompok sufi berpengaruh yakni kelompok sufi kota dan kelompok sufi desa yang masing-masing memainkan peranannya tersendiri dalam masyarakat. Menurut Karamustafa (2002), sufi kota lebih dipengaruhi oleh pembawaan Jalal al-Din al-Rumi (m. 671/1273M.) dan Ibn 'Arabi (m.630/1240M.). Manakala sufi desa lebih didominasi oleh tokoh Ahmad Yesawi (m. 562/1166M.) dan Yusuf Hamazani (441-535/1049-1140M) atau lebih dikenali sebagai kelompok *baba* yang bermaksud bapa. Kota Erzurum, Okat, Sivas, Kayseri, Malatya dan Konya tersadur melalui sufi Arab dan Parsi yang menampakkan lebih memiliki keintelektualan yang tinggi. Manakala sufi di kedesaan tidak memiliki pendidikan formal, tidak mengetahui bahasa Arab atau Parsi yang baik serta kurang memiliki pemahaman beragama secara luas. Tahap kesufian mereka masih lagi seperti lapisan permukaan di atas sebatang kayu yang bercampur baur dengan tradisi lama yang non-Islami. Namun kedua-dua kelompok ini memainkan peranannya dalam membangunkan sosial budaya masyarakat di timur Turki.

Said Nursi amat beruntung kerana dalam proses pembesaran, Mirza dan Nuriyyah amat mementing hal-hal berkaitan dosa dan pahala, halal atau haram, atau syubhah dan sebagainya. Proses ini digambarkan bahawa ayahnya sendiri tidak pernah memakan makanan yang haram dan hanya mencari makanan yang halal sahaja untuk diberikan kepada anak-anaknya. Menceritakan kewarakan Mirza ketika mana membawa kambing peliharaannya, dia akan memastikan mulut ternakannya itu tidak mengandungi makanan yang diragut dari kebun orang lain. Mengenai ketelitian ibunya, Nuriyyah hanya akan menyusukan anak-anaknya dalam keadaan suci dan berwuduk (al-Salihi, 2003).

Asuhan yang begitu teliti oleh Mirza dan Nuriyyah telah mempengaruhi pembentukan fizikal dan mental Said Nursi. Dengan kepintaran yang dimiliki, Said Nursi dapat menghafaz al-Quran dengan baik pada umur 12 tahun. Kekuatan akal Said Nursi terserlah apabila mampu menimbulkan persoalan-persoalan yang hanya difikirkan oleh mereka yang dewasa sahaja. Said Nursi cuba mendapatkan jawapan bagi persoalan yang menarik perhatiannya seperti kejadian gerhana bulan. Pada suatu malam, Said Nursi pernah menanyakan kepada ibunya tentang kejadian gerhana bulan. Akhirnya jawapan sebenar tentang gerhana itu diperolehi selang beberapa tahun ketika beliau mendalami ilmu astronomi.(Vahide, 1992). Mohamad Zaidin (2001) menyebutkan Said Nursi berminat mengetahui tentang kehidupan dan kematian, sumbangan ulama kepada masyarakat, menghadiri siri-siri perdebatan serta perbincangan ilmiah yang di adakan di rumah ayahnya. Al-Salihi (2003) merekodkan dalam kitab *al-Syu'a'at* menggambarkan keintelektualan Said Nursi seperti berikut:

“Ketika aku masih kecil, imajinasiku bertanya kepadaku: Manakah dianggap lebih baik dari dua masalah? Apakah hidup bahagia selama seribu-ribu tahun dalam kemewahan dunia dan berkuasa namun berakhir dengan ketiadaan atau kehidupan yang abadi namun ditempuhi dengan penuh derita?. Kemudian aku melihat imajinasiku lebih cenderung memilih yang kedua daripada yang pertama dengan menyatakan: Aku tidak inginkan ketiadaan, bahkan aku menginginkan keabadian walaupun dalam kebinasaan”.

Karakter yang dibentuk sejak beliau kecil lagi sehinggalah dewasa akhirnya membuahkan sifat-sifat murni sebagai seorang remaja Islam sejati. Kekuatan inilah yang digunakan oleh Said Nursi dalam mengasah bakatnya untuk terus menimba ilmu sebanyak mungkin di timur Turki.

Latar belakang Pendidikan Tasawuf Said Nursi

Said Nursi mendapat didikan awal daripada keluarganya sendiri. Beliau mempelajari al-Quran dengan ayahnya Mirza serta abangnya bernama Abdullah seawal umur 9 tahun. Pengajian juga terbantut disebabkan kesibukan Abdullah yang juga menghadiri pengajian di madrasah bersebelahan perkampungan Nurs. Sebenarnya perkampungan Nurs tidak mempunyai madrasah agama (Turner & Horkuk, 2009). Pelajar-pelajar terpaksa berpindah dari madrasah ke satu madrasah yang lain untuk mencari tempat pengajian yang sesuai dan terbaik. Hal ini turut berlaku kepada Said Nursi apabila beliau mula berpindah ke madrasah bersebelahan kampungnya untuk mencari kepuasan menuntut ilmu.

Pada tahun 1882, sekitar umur 9 tahun Said Nursi mula mendapatkan pengajian secara formalnya dengan berguru dengan Syeikh Muhammad Amin Affandi di perkampungan Tagh. Pengajian di sini tidak kekal lama disebabkan berlaku pergaduhan beliau dengan pelajar dua tahun atau tiga tahun lebih tua daripadanya. Said Nursi kembali semula ke kampungnya untuk belajar dengan abangnya selama hampir setahun dan akhirnya beliau meminta keizinan ayah dan ibunya untuk pergi menuntut ilmu di Birmis (Vahide, 1992).

Pada tahun 1883 beliau bertolak ke Birmis, Said Nursi berguru dengan Syeikh Sayyid Nur Muhammad yang juga merupakan ahli sufi tarekat Qadiriyyah. Pengajian di sini juga diganggu oleh beberapa orang murid nakal yang dengki dengan kepintaran yang ada padanya. Walaupun pengajiannya di Birmis tidak lama namun Said Nursi menjadi murid yang amat rapat dan disayangi (digelar *tilmiz Syeikh*) oleh Syeikh Sayyid Nur Muhammad, setelah melihat kepada keberanian, akhlak dan keilmuan yang ada pada Said Nursi. Hal ini menggambarkan keikhlasan dan kesungguhan Said Nursi merantau untuk menuntut ilmu serta pergaulan beliau dengan ulama-ulama sufi. Said Nursi juga turut mengamalkan beberapa amalan sufi, namun ia tidak memberi kesan kepada pemikiran dan idea perjuangan beliau. Keakraban Said Nursi dengan Syeikh beliau diceritakan oleh Vahide (1992) berdasarkan lawatan Syeikh Sayyid Nur Muhammad ke perkampungan Nurs serta perbualan yang berlangsung dengan kedua ibu bapa Said Nursi.

Pada tahun 1888, Said Nursi bertolak ke Arvas di Bitlis untuk berguru dengan Syeikh Muhammad Amin Affandi. Oleh kerana umur yang masih baharu, gurunya meletakkan tanggungjawab mengajar beliau kepada salah seorang muridnya yang lebih dewasa. Said Nursi merasa sedih dan akhirnya beliau menamatkan pengajiannya di sana. Setelah itu perjalanan menuntut ilmu tidak terhenti Bitlis, Said Nursi menuju ke Mukus untuk belajar di Madrasah Mir Hasan Wali. Setelah beberapa ketika di Mukus, beliau berpindah ke perkampungan Gawash yang berdekatan dengan Van untuk menuntut ilmu di sana. Pengajian beliau hanya bertahan selama sebulan disebabkan bebanan yang diberikan oleh gurunya serta tahap pengajian yang tinggi. Seterusnya Said Nursi dan sahabatnya bernama Muhammad merancang untuk menuju ke Bayazid.

Pada tahun 1889, Said Nursi dan Muhammad menuju ke Madrasah Bayazid di wilayah Erzerum untuk berguru dengan Syeikh Muhamad al-Jalali. Di sini bermulanya pengajian agama beliau secara meluas, sebelum ini pengajiannya hanya berkisar tentang ilmu tata bahasa Arab (*nahwu*) dan sintaksis (*sorf*) (Vahide, 1992). Ketika ini umur beliau dalam lingkungan 12 hingga 13 tahun. Di madrasah ini, Said Nursi mengambil masa selama 3 bulan secara insentif mempelajari ilmu di bawah pengawasan

gurunya. Kitab-kitab besar yang diajar di madrasah dan juga di pusat-pusat pengajian agama di timur Turki semuanya dibaca dan dipelajari dengan tekun sekali.

Disiplin pengajian Said Nursi amat istimewa berbanding dengan pelajar-pelajar seangkatan dengannya. Beliau mampu membaca dan menganalisis setiap yang dibaca dengan baik. Setelah dibuat catatan, beliau menyertakan komentar terhadap catatan tersebut. Seterusnya membuat komentar terhadap komentar yang dibuat ke atas catatan awalnya. Sehingga beliau dapat menghabiskan pengajiannya lebih awal 15 hingga 20 tahun daripada pelajar biasa. Metode yang digunakan ialah beliau tidak akan berpindah kepada tajuk yang lain sehinggalah dia berjaya menghadam satu kitab utama dan satu pelajaran tertentu. Said Nursi tidak pernah menanyakan kepada orang lain bahkan beliau mampu membaca dan memahami dalam berbagai disiplin ilmu sebanyak 200 halaman dalam masa satu hari sahaja.

Pengajian di Bayazid telah mematangkan pemikiran Said Nursi. Pendedahan terhadap kitab-kitab besar seperti *Jam'u al-Jawami'* oleh imam Taj al-Din al-Subki, kitab *Syarh al-Mawaqif fi 'Ilm al-Kalam* oleh 'Adud al-Din al-Iji dan *Tuhfah al-Munhaj fi Syarh al-Minhaj* oleh Ibn Hajar al-Haythami. Said Nursi juga banyak meluangkan masanya di malam hari dengan bertafakur dan mentelaah kitab berhampiran kubur ulama dan juga wali terkenal Turki iaitu Ahmad Khani. Dari segi amalan hariannya, Said Nursi cuba mengamalkan gaya hidup sufi dengan memakan sekeping roti untuk 3 hari, kurang bercakap serta cuba mempraktikkan hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud:

“Tinggalkan perkara yang meragukan dan ambillah perkara yang tidak meragukan”.
(hadis sahih, no.2518. riwayat Tirmizi)

Said Nursi berusaha mengamalkan praktik sufi dalam kehidupan hariannya. Beliau pernah terjun ke dalam air sungai di musim sejuk dan merantau berhari-hari di bukit Anatolia yang bersalji dengan berbekalkan beberapa cebis roti sahaja. Beliau ingin melihat seluruh manusia patuh dan taat kepada Allah SWT dan cuba sedaya upaya memperbetulkan kesalahan orang tersebut.(Wan Jefree, 1987).

Setelah menilai kehebatan dan tahap penguasaan ilmu yang amat baik oleh Said Nursi, maka Syeikh Muhammad al-Jalali pun bersetuju menganugerahkan ijazah kepada beliau dengan gelaran “Mulla Sa'id”. Gelaran “Mulla” meletakkan seseorang itu boleh membuka pusat pengajian atau sekolah persendirian bagi sesiapa yang ingin belajar. Pada masa itu Said Nursi berumur sekitar 14 atau 15 tahun sahaja.

Setelah mendapat ijazah daripada Syeikh Muhammad al-Jalali, Said Nursi meneruskan perjalanannya ke Baghdad untuk mendalami ilmu dengan ulama-ulama di sana. Dipertengahan jalan, beliau berpatah balik ke Bitlis untuk berjumpa dengan bekas gurunya Syeikh Muhammad Amin Afandi. Syeikh mengesyorkan agar Said Nursi mengenakan pakaian khusus sebagai seorang guru yang bertauliah, namun ditolak oleh beliau dengan alasan beliau belum lagi mencapai umur baligh dan juga bagaimana mungkin menjadi seorang guru dalam keadaan dia yang masih kecil. Selama 2 hari menghadiri pengajian di Bitlis Said Nursi berangkat ke Shirvan.

Di Shirvan, Said Nursi bertemu dengan abangnya Mulla Abdullah yang terpisah hampir 8 bulan. Abdullah begitu teruja apabila mengetahui Said Nursi yang sudahpun menghabiskan 80 buah kitab besar. Akhirnya Abdullah juga turut berguru dengan adiknya (Vahide,1992). Dari Shirvan, Said Nursi menuju ke Si'ird untuk bertemu dengan ulama terkemuka bernama Syeikh Fath Allah Afandi. Said Nursi diuji dengan kitab *Maqamat al-Hariri*. Iaitu karya seorang penyair dan tokoh sasterawan termasyhur iaitu al-Qasim bin 'Ali al-Hariri al-Basri al-Harami al-Syafi'e. Persoalan yang diajukan itu dapat dijawab dengan baik. Kemudian Said Nursi mengambil masa 2 jam sehari selama 6 hari untuk menghabiskan kitab *Jam'u al-Jawami'* iaitu kitab usul fiqh karya Ibn Subki. Akhirnya Said

Nursi berjaya menghabiskan semua kandungan sekaligus menghafaz kitab tersebut dalam masa seminggu seperti akuan yang dicatit oleh Syeikhnya di atas kulit kitab tersebut, “sesungguhnya dia (Said Nursi) telah mengumpulkan dalam ingatannya (hafaz) *Jam‘u al-Jawami‘* seluruhnya dalam satu jumaat” (Mohamad Zaidin, 2001).

Di Si‘ird, Said Nursi semakin dikenali disebabkan kepintaran dan kehebatannya semasa bersama Syeikh-Syeikh tersohor dan juga dilapangan masyarakat. Ulama-ulama seluruh Si‘ird datang untuk menguji kehebatan dan berkongsi ilmu dengan beliau. Akhirnya mereka mengiktiraf keilmuan dan keintelektualan Said Nursi dengan menggelarkannya dengan *Sa‘id Masyhur* (Said yang masyhur) pada umurnya 15 tahun.

Pada tahun 1892, Said Nursi kembali ke Bitlis. Selama dua tahun di Bitlis, beliau dipelawa untuk tinggal di kediaman gebenor Bitlis pada masa itu iaitu Umar Pasha. Umar Pasha dikenali sebagai gabenor yang menghormati ulama dan juga mencintai ilmu. Said Nursi berpeluang membaca dan mengkaji kitab-kitab yang ada di perpustakaan Umar Pasha. Beliau juga menghafaz kitab-kitab seperti *al-Muta‘ali al-Anwar fi al-Mantiqi wa al-Hikmah* karangan al-Qadi Siraj al-Din Mahmud, *al-Mawaqif fi ‘Ilm al-Kalam* karangan ‘Adud al-Din al-Iji dan kitab *al-Mirqat al-Wusul fi al-‘Ilm al-Usul* karangan Muhammad al-Faramuz al-Khasrawi. Akhirnya beliau dapat menguasai ilmu dan mahir dalam ilmu mantik, ilmu kalam, usul fiqh, hadis, tafsir, nahwu, soraf dan banyak lagi. Dalam tempoh 2 tahun tersebut, Said Nursi berjaya menghafaz 40 buah buku dalam pelbagai disiplin ilmu.

Said Nursi banyak menimba ilmu daripada Syeikh-Syeikh terkemuka di timur Turki. Antaranya ialah Syeikh Muhammad Nur, Syeikh ‘Abd al-Rahman Tagh dan Syeikh Fahim. Beliau juga berguru dengan Syeikh Amin Afandi, Mulla Fath Allah dan Syeikh Fath Allah Afandi sehinggalah menamatkan pengajian agamanya dengan Syeikh Muhammad Kufrawi. (Vahide, 1992).

Pandangan Tasawuf Said Nursi

Gerakan tarekat sufiah memainkan peranan dalam pembentukan sosio budaya masyarakat di timur Turki. Berbagai aliran tarekat wujud seperti tarekat Naqsyabandi, Qadiriah, Maulawiyah dan sebagainya dan mempunyai pengikutnya masing-masing. Said Nursi sendiri dibesarkan di dalam keluarga yang mengamalkan kehidupan sufi. Ayahnya juga di gelar sufi Mirza. Pengaruh sufi di timur Turki amat menonjol apabila pemberontakan pada 13 Febuari 1925 yang dilakukan oleh Syeikh Said yang merupakan ketua tarekat Naqsyabandi yang berpengaruh pada masa itu. Pemberontakan ini disebabkan polisi kerajaan yang dianggap ganjil yang bercanggah dengan agama masa itu. (Vahide, 1992). Presiden Mustafa Kamal telah mengkhianati amanah dengan mengharamkan penubuhan sekolah agama, melarang hijab, azan dalam bahasa turki dan banyak lagi polisi-polisi kerajaan yang mengguris hati umat Islam. (Ayub, 2020).

Said Nursi sendiri telah mempelajari ilmu dengan guru-gurunya di timur Turki yang juga Syeikh tarekat seperti Syeikh Sayyid Nur Muhammad, Syeikh ‘Abd al-Rahman Tagh, Syeikh Fahim dan Syeikh Muhammad Kufrawi. (Algar, 1979). Manakala magnum opus Said Nursi iaitu *Risalah al-Nur* sendiri banyak terkesan dengan pandangan tokoh-tokoh besar sufi seperti Syeikh ‘Abd al-Qadir Jailani, Imam Rabbani Syeikh Ahmad Sirhindi, Imam al-Ghazali dan juga Syeikh Naqsyabandi. Dengan kata lain, Said Nursi juga menerima metode kesufian itu dan mengambil inspirasi daripada tokoh-tokoh tersebut disebabkan kemahiran mereka dalam ilmu syariat dan juga tarekat. Namun, seperti kata Yasien (2005), Said Nursi tidak menjadikan tasawuf sebagai jalan terbaik bagi kaum Muslimin, seperti mana yang dianjurkan oleh imam al-Ghazali pada suatu masa dulu.

Justeru, Said Nursi memiliki pandangannya tersendiri tentang tasawuf dan tarekat. Beliau tidak menolak tasawuf dan tarekat secara total yang dianggapnya sebahagian daripada cabang ilmu Islam tetapi pemahaman terhadap tasawuf perlu disesuaikan dengan keperluan zaman yang amat berkecamuk pada masa itu. Umat Islam dalam peperangan dan hilang hala tuju, diratah dan dijajah oleh Barat. Maka perlukan pemahaman tasawuf itu dengan pendekatan baru yang lebih praktikal, tanpa meninggalkan roh asal ilmu tasawuf itu sendiri.

Menurut Said Nursi, tasawuf perlu diterima ramai dengan membawa pendekatan yang baru mengikut penyakit yang dialami iaitu keruntuhan iman masyarakat Islam pada masa itu. Menurut Muhsin 'Abd al-Hamid, berdasarkan kepada suasana dan era kemodenan yang ada pada masa itu, penyelesaiannya bukanlah dengan jalan tasawuf. Ini kerana tasawuf hanya ke arah memperkasakan diri dan bukan sebagai pendakwah yang menyelami isu dan permasalahan masyarakat. Oleh itu, ia tidak mampu untuk menerajui pertembungan ketamadunan Islam disamping kemunduran dan penyimpangan agama serta serangan fahaman Ateisme dan Materialisme dari Barat. Dalam hal ini, Said Nursi (2010) ada menyebut dalam kitab *al-Malahiq*:

“zaman ini bukan zaman tasawuf dan tarekat, bahkan zaman ini adalah zaman untuk menyelamatkan keimanan”

“Bahkan kebajikan terbesar di abad ini ialah menyelamatkan kaum Muslimin yang dilanda krisis keimanan yang dahsyat”

Said Nursi sendiri menempis kelompok yang menggelarkannya sebagai ahli sufi. Beliau mengakui dirinya sebagai ulama yang mempertahankan agama dan menafikannya sebagai seorang Syeikh tarekat kesufian.(Nursi, 2011b).

Said Nursi tidaklah menenggelamkan seluruh jiwanya dengan alam sufi dan disiplin tarekat atau pendiri mana-mana tarekat. Namun begitu, beliau tidak menolak golongan tarekat yang banyak memberi sumbangan kepada masyarakat. Said Nursi begitu menghargai pemikiran dan pembawaan tokoh-tokoh besar tasawuf seperti Imam al-Ghazali, Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani, Ibn 'Arabi, Imam Rabbani dan sebagainya. Namun pandangan Said Nursi amat jelas terhadap amalan-amalan tasawuf yang dilihatnya sebagai melampau serta beberapa penyelewengan yang berlaku dalam tasawuf itu sendiri.

Said Nursi juga menemukan pengamal-pengamal tasawuf yang mengaku bahawa diri mereka telah sampai kepada *qutub* spiritual tertinggi, ada yang mengaku menjadi Imam Mahdi yang dijanjikan menjelang akhir zaman, serta mengeluarkan pernyataan-pernyataan spiritual yang berlebihan dan terkeluar dari kewajaran syariat (Nursi, 2011a). Bahkan mereka sebenarnya hanyut dan leka dalam realiti spiritual yang mengasyikkan itu. Memang benar telahan imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya'* dan kitab *al-Kasyf wa al-Tabyin* yang mengklasifikasikan kelompok tasawuf yang terkeliru (*al-maghrurin min al-mutasawwifah*) kepada beberapa kelompok tertentu. Manakala kekeliruan ini berlaku bukan sahaja dikalangan ahli sufi, bahkan juga berlaku kepada orang awam, golongan ilmuwan, ahli ibadat, orang-orang baik dan sebagainya yang akan memberi kesan kepada masyarakat (Wan Suhaimi, 2004).

Mungkin juga situasi dan pengalaman ahli sufi itu benar, tetapi penilaian dan tanggapan yang diberikan itu menampakkan kekeliruan. Keadaan ini dikiaskan oleh Said Nursi secara jelas sebagai seekor lalat yang beranggapan semangkok air sebagai lautan kecil. Oleh itu, Said Nursi menyarankan agar mereka kembali kepada syariat iaitu berdasarkan perjalanan al-Quran dan al-Sunnah serta aliran ahli Sunnah Wal Jama'ah. Said Nursi secara lantang mengkritik doktrin *wahdah al-wujud* atau kesatuan wujud yang pelopori oleh Muhy al-Din Ibn al-Arabi. Dalam menanggapinya Said Nursi

menyatakan bahwa Allah SWT benar-benar berada di luar dimensi segala hal termasuk konsep ruang dan waktu seperti yang difahami. Allah merupakan Pencipta yang menciptakan segala sesuatu secara objektif dan bukan sebahagian ilusi seperti yang dinukilkan oleh para penganut aliran ini. Sementara makhluk pula sebahagian daripada ciptaan Allah SWT dan jauh sekali bersifat *al-Khaliq*. Walaupun alam dan seisinya yang diciptakan dengan mengambil kira ruang dan masa, namun ianya tidak bersifat kekal, bahkan masih lagi bersifat sementara. Zaprukh (2011) turut menegaskan antara kekeliruan sebahagian ahli sufi seperti terlalu taksud dengan amalan-amalan harian sufi berbanding Sunnah Nabi s.a.w. sehingga ada yang meninggalkan Sunnah kerana terpesona dengan zikir tarekat mereka, menganggap para wali lebih mulia daripada para Sahabat r.a., bahkan dipandang sama darjatnya dengan Nabi s.a.w., menganggap ilham yang diperolehi sama nilainya dengan wahyu ilahi, terlalu asyik dengan kenikmatan, pencerahan, dan keajaiban-keajaiban spiritual sufi, terjebak dalam kesombongan, keangkuhan dan membanggakan diri sendiri serta pernyataan-pernyataan yang berlebih-lebihan setelah mendapat perhatian manusia, tidak sabar untuk menikmati ganjaran-ganjaran atas amal soleh yang mereka lakukan di dunia ini dan juga beberapa penyimpangan yang lain. Bahkan gejala kesombongan dan ketaksukan ini akan membahayakan masyarakat. Hal ini diperingatkan sendiri oleh imam al-Ghazali agar bersikap adil (*al-i'tidal*) dalam bertasawuf, yakni dalam mempraktikkan *tariq al-dzauqi* itu mestilah dengan tidak memutuskan hubungan dengan masyarakat (al-Za'bi, 2000).

Pendirian dalam tasawuf ini adalah sebagai reaksi Said Nursi terhadap tekanan pemerintahan Turki kepada gerakan Islam dan agama Islam itu sendiri melalui penguatkuasaan akta-akta yang bercanggah dengan Islam. Bagi Said Nursi mempraktikkan syariat lebih utama berbanding tenggelam dalam tarekat kesufian (Algar, 1979). Said Nursi berusaha melepaskan umat dari kecelaruan golongan sufi yang pada masa itu yang mengarahkan umat kepada beku dan pasif. Berbeza dengan golongan sufi terdahulu di zaman awal Islam yang menjadi penggerak keimanan lantas bangkit menegaskan amal makruf dan nahi mungkar dalam masyarakat.

Menurut Barghuth (2006), penyebaran *Risalah al-Nur* merupakan gerakan pembaharuan yang ingin menghidupkan corak kehidupan Islami yang bertepatan dengan suasana semasa yang berpandukan hakikat iman dan syariat, serta menepati manhaj Ahli Sunnah wal Jama'ah. Bagi Said Nursi, iman dan akidah lebih diutamakan daripada segalanya. Perjuangan Nursi adalah untuk merawat kecelaruan iman umat Islam pada masa itu. Said Nursi (2011b) ada menyebut:

“Tidak mungkin seseorang itu dapat masuk syurga tanpa iman, namun begitu ramai orang yang dapat masuk syurga tanpa tasawuf. Manusia tidak dapat hidup tanpa roti, manakala mereka mungkin dapat hidup tanpa buah. Maka tasawuf adalah buah dan hakikat Islam (iman) itu adalah roti”.

Baginya, untuk menemukan hakikat keimanan adalah dengan memahami sebaik-baiknya rahsia-rahsia al-Quran. Said Nursi (2011b) dalam kitab *al-Maktubat* mengesyorkan untuk meneliti kitab *al-Kalimat* yang banyak memuatkan rahsia-rahsia al-Quran. Kerana dengan memahami rahsia-rahsia al-Quran, ia berupaya menyembuhkan sebarang penyakit, merawat kelukaan serta menjadi cahaya di zaman yang penuh kegelapan ini. Seluruh kandungan *Risalah al-Nur* sememangnya mengajak manusia meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. Manfaatnya pula tidak dikhususkan kepada golongan tertentu sepertimana kitab-kitab sufi yang hanya difahami oleh ahli sufi sahaja (al-Salihi, 2003).

Said Nursi cuba memahami situasi semasa dan cuba menyelesaikannya. Maka setelah diamati, ianya berpunca dari kecelaruan iman umat Islam itu sendiri. Said Nursi (2011b) dalam *al-Maktubat* menyatakan:

“Aku suka berkhayal: Sekiranya Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jailani, Syeikh Naqsyabandi, Imam Rabbani dan Qutb al-Iman r.a. yang lain masih ada di zaman ini, pasti mereka akan berjuang bermati-matian untuk memperkukuhkan hakikat iman dan akidah Islam. Kerana dua unsur ini merupakan sumber kebahagiaan abadi dan sekiranya berkurangan, maka akan derita sampai ke bila-bila.”

Said Nursi (2011b) turut mengutip kata-kata Imam Rabbani Syeikh Ahmad Sirhindi bahawa matlamat terakhir tarekat sufiah ialah untuk menjelaskan lagi hakikat keimanan. Ini menunjukkan bahawa kaum sufi juga menjadikan hakikat keimanan sebagai matlamat akhir perjuangannya. Oleh itu, menurut Said Nursi (2010) dalam *al-Malahiq*, bahawa perlu mempersiapkan iman yang kental agar tidak akan digoncang oleh sebarang keadaan dan cubaan yang mendatang. Hakikat iman yang sebenar juga mampu menempis sebarang syubhat dan was-was yang ada.

KESIMPULAN DAN SARANAN

Islam amat mementingkan aspek kerohanian bagi menghindari diri daripada terjebak dalam hasutan nafsu syahwat. Dalam hal ini, hati yang sejahtera berperanan mengawal tingkah laku umat Islam daripada bergelumbang dengan dosa dan maksiat. Maka, perkembangan ilmu tasawuf dalam masyarakat Islam adalah selari dengan keperluan ummah dalam membina benteng dalaman dan luaran bagi menghadapi arus globalisasi yang ganas. Fahaman materialisme, pluralisme, ateisme dan sebagainya telah menyerang masuk dalam benak pemikiran golongan muda mudi Islam. Justeru, pemahaman terhadap unsur tasawuf amat-amat diperlukan dan terus diperkasakan dalam masyarakat. Persoalannya, apakah bentuk tasawuf yang hendak di bawa dan apakah matlamat akhir tasawuf itu sendiri?

Said Nursi telah membawa pendekatan baru dalam membawa disiplin ilmu tasawuf. Tasawuf yang dibawa bukanlah disiplin tasawuf era kecemerlangan Islam yang banyak terarah kepada membina diri melalui zikir-zikir dan mengagungkan syeikh-syeikh serta mengutamakan aliran tarekat yang dipegangnya. Lantaran keimanan umat Islam yang tinggi, ukhuwah Islam yang mantap serta umat Islam yang memuliakan budaya ilmu. Namun kini, umat Islam berada dalam keadaan sebaliknya. Maka, pendekatan tasawuf Said Nursi juga berbeza mengikut situasi umat Islam dan ia amat relevan dengan keperluan semasa. Said Nursi membesar dengan persekitaran tasawuf. Beliau amat menyanjungi guru-gurunya yang beraliran tasawuf. Beliau juga beramal dengan praktik seorang ahli sufi serta beliau turut menentang kebatilan yang dilakukan oleh kelompok-kelompok sufi yang melampau.

Perlu diingat, keperluan yang mendesak pada ketika itu ialah keutuhan iman umat Islam. Pendidikan iman mesti diutamakan berbanding pendidikan ketasawufan. Perbandingan keperluan iman dan tasawuf dijelaskan oleh Said Nursi seperti roti dan buah. “Tidak mungkin seseorang itu dapat masuk syurga tanpa iman, namun begitu ramai orang yang dapat masuk syurga tanpa tasawuf. Manusia tidak dapat hidup tanpa roti, manakala mereka mungkin dapat hidup tanpa buah. Maka tasawuf adalah buah dan hakikat Islam (iman) itu adalah roti”(Said Nursi, 2011b). Berdasarkan kesedaran itu, Said Nursi menyarankan agar umat Islam memperkukuhkan iman melalui pengamalan Islam, menjaga akidah, syariat dan akhlak serta memperkasakan ilmu agar menjadi benteng dalam mengharungi tentangan musuh Islam.

RUJUKAN

- Algar, H. (1979). Said Nursi and Risala-i Nur An Aspect of Islam in Contemporary Turkey, Dlm. *Islamic Perspectives*, London: The Islamic Foundation.
- al-Salihi, E.Q. (2003). *Said Nursi: Pemikir Besar Abad ke 20*, Jakarta: Penerbit PT RajaGrafindo.
- al-Za'bi, A. (2000). *Mas'alah al-Ma'rifah wa Manhaj al-Bahthi 'Ind al-Ghazali*, 'Amman: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami wa Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Tawzi' wa al-Nasyr Damsyiq.
- Arroisi, J. (2022). The Concepts of Personality and Spirituality Development in Psychology. *TAJDID*, 21(2), 381-411.
- Ayub, M. N., Mat Hassan, S. H., & Yakob, M. A. (2020). Gagasan Madrasah al-Zahra': Pemikiran Said Nursi dalam Pendidikan. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(1), 111-132.
- Ayub, M. N., Mustapha, R., Mat Jusoh, M. S., & Oardin, M. A. (2023). Keruntuhan Akhlak Umat Islam Dan Penyelesaian Menurut Said Nursi Dalam Risalah Al-Nur. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 122-131.
- Barghuth, A.A. (2006). *Nahwu Nazariyah Islamiyah fi al-Tajdid al-Hadhari (Ishamat Badi'al-Zaman al-Nursi)*, Kuala Lumpur: IIUM.
- Bidin, S. N. B. S., & al-Qodsi, A. S. (2020). Pemikiran Tasawwuf BadiUzzaman Said Nursi dalam Dakwah. *Journal of Personalized Learning*, 3(1), 24-30.
- Che Zarrina S. (2004). Peranan Tasawuf Dalam Pembangunan Spritual Umat Islam. Dlm. *Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur: APIUM.
- Colin T. & Hasan H.(2009). *Said Nursi*, I.B Taurus: London
- Efendi, E., & Gazali, G. (2023). Modern Sufism: From Nursi To Hamka. In *Annual International Conference in Education and Islamic Studies 2022*.
- Faiz, M. (2020). Konsep Tasawuf Said Nursi: Implementasi Nilai-Nilai Moderasi Islam. *Millah: Jurnal Studi Agama*, 199-224.
- Faiz, M., & Ibrahim, I. A. (2015). Unsur Sufisme Dalam Konsep Pendidikan Said Nursi Muhammad Faiz & Ibnor Azli Ibrahim Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Nizham Journal of Islamic Studies*, 4(2), 184-207.
- Ghazali, M. R. (2014). Tasawuf menurut perspektif Sa'id Hawwa dengan tumpuan kepada buku Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah. *Journal 'Abqariy*, 4, 115-143.
- Ghazali, M. R. (2016). Pemikiran Tasawuf Dan Kehidupan Kerohanian Menurut Abu Hasan Ali Al-Nadwi (1914-1999): Satu Analisis. *'Abqari Journal*, 8(1), 121-142.
- Hadi Ihsan, N. (2021). Transformasi Mahabbah Menjadi Cinta Abadi Dalam Konsep Tasawuf Badiuzzaman Said Nursi. *Jaqfi: Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam*, 6(2), 178-192.
- Irawan, D. (2019). Tasawuf Sebagai Solusi Krisis Manusia Modern: Analisis Pemikiran Seyyed Hossein Nasr. *Jurnal Tasfiyah: Jurnal Pemikiran Islam*, 3(1).
- Karamustafa, A. (2002). Sufisme Awal di Anatolia Timur Dlm. *Warisan Sufi*, Yogyakarta: Pustaka Sufi.
- McCarthy, J. (1997). *The Ottoman Turks On Introductory History to 1923*. London & New York, Longman.
- Mohamad Zaidin, M. (2001). *Bediuzzaman Said Nursi Sejarah Pemikiran Dan Perjuangan*, Malita Jaya: Selangor.
- Mohamed, Y. (2005). Two Pillar of Tollerance in Said Nursi. *Jurnal AFKAR*, Bil 6/2005 (225-242).

- Muhsin A. H. (1999). Min Ma'alim al-Tajdid 'ind al-Nursi, Dlm. *Seminar Tajdid al-Fikr al-Islami fi al-Qurn al-Rabi' 'Asyr li al-Hijrah Juhud Badi' al-Zaman al-Nursi*, Rabat: Jami'ah Muhammad al-Khamis.
- Nassir, R., & Salleh, N. Tasawuf Dalam Pemikiran Yusuf al-Qaradhawi (1926-2022) Sufism in the Thought of Yusuf al-Qaradhawi (1926-2022).
- Rouf, A., Yakub, M., & Yusoff, Z. M. (2013). Tafsir al-Azhar dan tasawuf menurut Hamka. *Jurnal Usuluddin*, 38, 1-30.
- Said Nursi, B. (2010). *al-Malahiq fi Fiqh Da'wah al-Nur*, kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Said Nursi, B. (2011a). *al-Kalimat*, Kaherah: Dar al Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Said Nursi, B. (2011b). *al-Maktubat*, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Said Nursi, B. (2011c) *al-Lumu'at*, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Salihin, S. (2016). *Pemikiran Tasawuf Hamka Dan Relevansinya Bagi Kehidupan Modern* (Doctoral dissertation, IAIN Bengkulu).
- Tirmidzi, M.I. (1996). *Sunan al-Tirmidzi*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Vahide, S.(1992). *Bediuzzaman Said Nursi The Author of the Risale-i Nur*, Istanbul: Sozler Publication.
- Wan Jafree W.S. (1987). *Mujaddid Islam Syeikh Badiuzzaman Said Nursi*, Penerbitan HIZBI: Shah Alam.
- Wan Suhaimi W. A. (2004). Peringatan al-Ghazali Terhadap Kekeliruan Sufi, Dlm. *Tasawuf Dan Ummah*, Kuala Lumpur: APIUM.
- Zaprul Khan M.S.I. (2011). *Komparasi Pembaharuan Tasauf Hamka Dan Said Nursi*, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta (Tesis Ph.D, tidak diterbitkan).